

21/05/2000

Al-Quran, hadis syarat utama muzakarah: Nik Aziz

RANTAU PANJANG: Pas tetap dengan keputusannya meletakkan al-Quran dan hadis sebagai syarat utama untuk mengadakan muzakarah dengan Umno bagi menyelesaikan masalah perpecahan di kalangan umat Islam negara ini.

Mursyidul Amnya, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata syarat itu sebagai rujukan atau pihak ketiga yang perlu ada dalam setiap perbincangan untuk menyelesaikan sebarang masalah dalam kehidupan manusia.

Menurutnya, tidak ada sebab Umno tidak boleh menerima syarat yang ditetapkan oleh Pas itu selagi mereka boleh menerima al-Quran dan hadis sebagai pegangannya.

Beliau berkata, tidak timbul soal keraguan sesetengah pihak bahawa Pas akan berbohong apabila bermuzakarah, jika meletakkan al-Quran dan hadis sebagai asas rujukan.

"Dengan apa lagi kalau tidak dengan al-Quran dan hadis sebagai pihak ketiga dalam menyelesaikan masalah itu. Tak ada sebab dia (Umno) tak boleh terima al-Quran dan hadis, kalau dia benar-benar yakin kepada Allah. Tak ada sebab dia tolak," katanya.

Beliau yang juga Menteri Besar Kelantan berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas merasmikan Muktamar Sanawi Dewan Ulama Pas Kelantan Ke-29 di Markaz Tarbiyyah Pas Kawasan Rantau Panjang, dekat sini, semalam.

Sebelum ini, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak Pas untuk bermuzakarah dengan syarat mereka sanggup menerima keputusan dan tidak bercakap bohong.

Berucap di Perhimpunan Agung Umno, Ahad lalu, Perdana Menteri berkata, Pas perlu berfikiran terbuka dan bersedia menerima syarat itu.

Ditanya sama ada beliau bersetuju jika muzakarah itu turut membabitkan pihak pertubuhan bukan kerajaan lain, Nik Abdul Aziz, berkata Pas sedia penyertaan badan lain, termasuk parti dalam komponen Barisan Alternatif.

Kelmarin, Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia, Ahmad Azam Abdul Rahman, berpendapat muzakarah di antara Umno dan Pas tidak mampu menyelesaikan masalah perpecahan di kalangan umat Islam negara ini, jika tidak membabitkan semua pihak.

(END)